



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	21/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 3
JABATAN	:	TNB - Advertorial		

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkenalkan inisiatif TNB Reskilling Malaysia untuk menyokong program pemulihan ekonomi negara. Pada 2020 dan 2021, ekonomi negara terjejas susulan penularan pandemik Covid-19.

Wabak Covid-19 memberi kesan negatif kepada ekosistem perniagaan domestik seperti industri makanan dan minuman, pembinaan dan pembuatan, pelancongan, serta pertanian, pembinaan dan perkhidmatan.

Ini sekali gus mengakibatkan ramai rakyat Malaysia kehilangan pekerjaan.

Inisiatif TNB Reskilling Malaysia dibangunkan untuk membantu majikan di Malaysia mendapatkan pekerja baharu yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan perniagaan pasca Covid-19.

Perkhidmatan ditawarkan bagi pencarian dan pengambilan pekerja baharu untuk syarikat yang memerlukan kakitangan.

Berdasarkan jenis pekerjaan diperlukan syarikat, TNB melaksanakan program mencari calon pekerja daripada kumpulan rakyat Malaysia yang diberhentikan atau tiada pekerjaan.

Semua calon pekerja ini menjalani proses temu duga bersama majikan.

Calon yang berjaya dalam sesi temu duga bakal mengikuti program latihan kemahiran semula (reskilling training programme) bagi memenuhi keperluan jawatan ini.

Program latihan kemahiran semula untuk calon yang berjaya dilaksanakan oleh TNB Integrated Learning Solution Sdn Bhd (TNB ILSAS).

TNB ILSAS adalah anak syarikat TNB yang memainkan peranan utama dalam melaksanakan program peningkatan keupayaan pekerja melalui pelbagai program latihan.

## PADANAN PEKERJAAN MAJIKAN & RAKYAT

### Inisiatif TNB Reskilling Malaysia sokong kelangsungan perniagaan



**“Inisiatif TNB Reskilling Malaysia ini menjadikan proses mencari pekerja baharu lebih mudah”**  
Azhar Selamat

PROGRAM pemasangan panel solar antara program latihan kemahiran semula yang dilaksanakan untuk inisiatif TNB Reskilling Malaysia.

Sasaran bilangan jawatan untuk dilaksanakan program latihan kemahiran semula adalah sehingga 17,500 iaitu 5,000 jawatan setiap tahun dalam tempoh tiga setengah tahun.

Sejak inisiatif itu diperkenalkan pada Oktober 2020, lebih 1,700 kekosongan jawatan diisi dengan pembabitkan lebih daripada 160 syarikat.

#### Inisiatif Program TNB Reskilling Malaysia

Penularan pandemik Covid-19 sejak tahun lepas memberi kesan kepada tahap kesihatan penduduk Malaysia dan seluruh dunia. Pandemik ini juga memberi kesan negatif kepada ekonomi semua negara di dunia.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Malaysia sehingga April 2021 adalah 4.6 peratus iaitu 742,700 rakyat Malaysia yang tiada pekerjaan.

Inisiatif TNB Reskilling Malaysia yang diperkenalkan ini diharap membantu rakyat Malaysia yang diberhentikan dan belum mendapat pekerjaan.

Semua syarikat di Malaysia yang memerlukan pekerja baharu diminta mendaftar keperluan pekerja di laman sesawang Inisiatif TNB Reskilling Malaysia, <https://tbls.com.my/industry-employment-program/>.

#### PROGRAM TNB RESKILLING MALAYSIA



PROGRAM penyelenggaraan kuasa elektrik (power system) antara program latihan kemahiran semula yang dilaksanakan untuk inisiatif TNB Reskilling Malaysia.

barang impak kos kewangan kepada syarikat yang berminat menyertai inisiatif TNB Reskilling Malaysia.

Semua syarikat di Malaysia layak mendaftar untuk program ini dan perlu memaklumkan bilangan pekerja diperlukan.

Program latihan dilaksanakan di bawah inisiatif TNB Reskilling Malaysia disediakan khas untuk sektor pekerjaan dalam industri tenaga serta industri lain di Malaysia.

Program latihan utama untuk sektor industri tenaga adalah Program Pemasangan Panel Solar, Program Pemasang Jangka Pinjar, Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Kuasa Elektrik, Operasi Fasiliti Elektrik Voltan Sederhana dan Fasiliti Elektrik Voltan Rendah.

Selain program sektor industri tenaga, lebih banyak program latihan kemahiran semula dibangunkan untuk memenuhi keperluan syarikat di Malaysia.

Majikan berpusat Syarikat perkhidmatan dron tempatan, Karisma Aero Management adalah antara majikan yang mendapat manfaat daripada inisiatif TNB Reskilling Malaysia.

Pengarah Operasinya, Azhar Selamat berkata, syarikatnya menyertai program ini dengan harapan menambah bilangan jurutera dron bagi menampung keperluan perniagaan syarikat.

Katanya, secara keseluruhan proses padanan pekerjaan berjalan lancar dan syarikatnya mendapat 10 pekerja baharu.

“Sebagai syarikat perkhidmatan dron, kami sentiasa mencari pekerja baharu untuk menampung keperluan operasi perniagaan. Inisiatif TNB Reskilling Malaysia menjadikan proses mencari pekerja baharu lebih mudah” katanya.

Satu lagi majikan yang menyertai dan mendapat manfaat daripada inisiatif TNB Reskilling Malaysia adalah Kumpulan Kossan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Kossan, Tan Sri Lim Kuang Sia berkata, syarikatnya menyertai program ini bagi mencari pekerja baharu untuk memenuhi keperluan operasi syarikat.

“Syarikat Kossan komited terhadap pembangunan dan kecekapan pekerja. Kerjasama antara TNB ILSAS dan Syarikat Kossan membantu kami mendapatkan pekerja baharu yang cekap bagi keperluan operasi kami,” katanya.